

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
[PASIR MAS]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Tendong, Pasir Mas yang telah mengalami lebihan kapasiti pelanggan semenjak beberapa tahun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Klinik Kesihatan Tendong beroperasi dengan purata kedatangan pesakit seramai 385 orang sehari pada tahun 2018 dan bilangannya semakin meningkat kepada 438 orang sehari pada tahun 2019, 356 orang sehari pada tahun 2020 (penurunan kerana pandemik COVID-19) dan 417 orang sehari pada tahun 2021.

2. Berikutan peningkatan pesakit dan keadaan klinik yang usang, projek pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) Tendong dengan Kuarters Tendong, Pasir Mas (Gantian) telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dalam *Rolling Plan Empat Rancangan Malaysia Kesebelas (RP4, RMKe-11)* pada tahun 2020. Projek ini dijadualkan untuk ditender pada bulan Februari 2022 dan dimulakan pembinaannya pada penghujung suku pertama tahun 2022.

3. Antara skop projek klinik kesihatan ini adalah komponen *Infectious Disease (ID)*, *sistem Teleprimary Care-Oral Health Clinical Information System (TPC-OHCIS)*, sistem keselamatan kamera litar tertutup (CCTV), pembinaan empat (4) unit kuarters jenis F dan G bagi menggantikan kuarters sedia ada serta pembelian peralatan perubatan (seperti peralatan x-ray dan kerusi roda) dan bukan perubatan (seperti kerusi dan meja).

Sekian, terima kasih.